

## SEMINAR BERSAMA UNHAS : "KESIHATAN MENTAL"

Satu seminar bersama mengenai Kesihatan Mental telah diadakan di Fakultas Kedoktoran, Universiti Hasanuddin (UNHAS) Makassar, Sulawesi Selatan bagi memantapkan lagi hubungan di antara UMS dan UNHAS khususnya Sekolah Perubatan dan Sekolah Sains Sosial. Seminar tersebut berlangsung selama 2 hari iaitu dari 10 Februari hingga 11 Februari 2009. Ia dihadiri oleh lebih daripada 100 peserta dari pelbagai bidang. Objektif seminar tersebut adalah untuk mewujudkan peluang berinteraksi dan berkongsi maklumat dalam bidang kesihatan mental, membincangkan masalah kesihatan mental serta penyelesaian yang berkesan dan serasi dengan keadaan sosial masyarakat setempat bagi kedua-dua Negara. Dengan adanya seminar tersebut, diharapkan ia dapat membuka jalan untuk pertukaran maklumat dan seterusnya mengeratkan lagi kerjasama dalam bidang akademik secara umumnya dan kesihatan mental secara khususnya.

